

BIODATA

ROSSEM (ROSIDI SEMAIL)

Rossem atau nama sebenarnya Rosidi Semail dilahirkan pada 3 Ogos 1948 di Kampung Peringkat, Kota Bharu, Kelantan dan mendapat pendidikan sehingga Tingkatan V di salah sebuah sekolah di Kota Bharu pada tahun 1963 dan selepas itu beliau telah mendapat pendidikan di Institut MENSA (Graphic) di Kuala Lumpur. Merupakan anak bongsu dari lima orang adik – beradik. Beliau telah berumahtangga dan mempunyai tujuh orang anak serta seorang cucu.

Mula berjinak dengan kartun secara serius pada tahun 1970. Pada peringkat awal, beliau menerima sedikit tunjuk ajar dari kartunis veteran Rejabhad. Beliau dianggap sebagai kartunis yang agak kebaratan terutama kerana gayanya sangat dipengaruhi kartunis Amerika. Politik dan peperangan merupakan isu yang sering menarik minat Rossem untuk dikartunkan. Oleh kerana beliau begitu berminat kepada kisah – kisah mengenai politik dan peperangan, beliau akhirnya memilih kerjaya 'Pasukan Beruniform' disamping berkartun. 'Konstabel Jabit' karekter kartun pertama beliau yang telah dimuatkan dalam suratkhbar Utusan Melayu bermula dari tahun 1978 sehingga 1994 dan disusuli dengan kartun 'Pak Din Pencen' dalam utusan Melayu pada tahun 1978 hingga 1990.

Setelah bersara dari pasukan beruniform, beliau telah menjadi kartunis sepenuh masa dalam 'The Sun' bermula dari tahun 1993. Kebanyakan karya – karya beliau dimuatkan di dalam suratkhbar – suratkhbar dan juga majalah – majalah di Malaysia dalam pelbagai tema. Rossem juga dilantik selaku Naib Presiden Persatuan Kartunis Selangor dan Wilayah Persekutuan (PEKATUN). Beliau mengakui lakaran kartun merupakan sumber pendapatan beliau sepenuhnya.

Karya beliau juga mendapat pengiktirafan di peringkat Asia di mana pihak Japan Foundation for Asia Center telah memilih beberapa karya kartun beliau untuk dipamerkan dalam Asian Cartoons Exhibition yang diadakan setiap tahun di negara Asia

Bahan utama dalam koleksi beliau ialah kartun dan karikatur asli yang berjumlah 1,506 naskah dimana terdiri daripada 102 kartun dan karikatur berwarna serta 1,404 kartun dan karikatur hitam putih. Disamping itu beliau mempunyai koleksi kartun dalam suratkhobar asal sebanyak 716 helai yang telah disiarkan dalam suratkhobar The Sun dan juga Utusan Zaman. PNM telah menerima koleksi Rossem pada tahun 2005.